

03/04/1998

10 strategi tangani kegawatan

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan negeri menggariskan 10 strategi utama sebagai asas atau panduan negeri itu untuk mengatasi kegawatan ekonomi bagi memastikan matlamat Wawasan 2020 dan Selangor negeri maju menjelang 2005 menjadi kenyataan.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata ketika Wawasan 2020 dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991, keadaan ekonomi negara adalah stabil.

"Justeru, strategi yang ada perlu diubah suai atau dinilai semula berikutan kegawatan ekonomi sekarang bagi memastikan Wawasan 2020 dan Selangor negeri maju menjelang 2005 mencapai matlamatnya.

"Untuk itu, adalah wajar untuk kita menggariskan 10 strategi utama ini kerana ia antara asas pendekatan dalam memulihkan diri kita daripada kegawatan ekonomi pada hari ini," katanya pada majlis Memperingati Pelancaran Wawasan 2020 di sini, hari ini.

Tiga daripada 10 strategi yang dijadikan asas atau panduan oleh Selangor ialah:

* Memastikan ekonomi bersifat pelbagai, mempunyai sektor industri yang matang dengan asasnya yang luas, mempunyai sektor pertanian yang moden dan mantap, selain mempunyai sektor perkhidmatan yang cekap, produktiviti dan matang.

* Ekonomi yang tangkas berdiri atas kekuatan sendiri, mampu melakukan penyesuaian yang segera terhadap pola pengeluaran, permintaan mahupun persaingan yang sentiasa berubah.

* Ekonomi yang cekap terknologinya, mampu melakukan penyesuaian, pembaharuan dan penciptaan yang kian meningkat penerapan teknologinya dan bergerak ke arah usaha meningkatkan teknologi yang semakin canggih.

(END)